



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

13 OGOS 2022 (SABTU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

13 OGOS 2022 (SABTU)

Banyak pihak seleweng minyak masak

Ada melibatkan pembungkus, pemborong dan peruncit

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
 SHAH ALAM

Tidak dinafikan terdapat pembebitan pihak industri, pembungkus serta pemborong dalam kegiatan penyelenggaraan minyak masak bersubsidi.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, siasatan mendapati modus operandi penyeludupan minyak masak ini adalah mendapatkan minyak peket plastik bersubsidi sebelum dipotong dan diletakkan di dalam botol atau tangki khas yang kemudian dieclar kepada pihak industri.

Menurut beliau, sekiranya ia diseludup ke negara luar pula, minyak masak itu akan dibeli dalam jumlah yang banyak sebelum dikumpulkan lalu diseludup apabila tiba masa sesuai.

"Rantai penjualan minyak masak subsidi ini sangat besar, kita ada pihak



Selain pemeriksaan di premis perniagaan, KPDNHEP turut melaksanakan naziran audit dan penjejakkan bagi memastikan tidak berlaku ketirisan.

pembungkus dan lebih 4,000 pemborong serta lebih 40,000 peruncit. Dari situ juga ada pengguna lain yang turut mendapatkan bekalan tersebut.

"Setakat kes dikenal pasti, semua pihak ada dikesan terlibat dengan penyelenggaraan termasuklah pembungkus, pemborong, industri dan peruncit. Namun, tidak semua terlibat dalam kegiatan ini, hanya sebahagian.

"Rantai ini pula pelbagai dan mereka ini akan mengambil peluang di mana sahaja.

"Contohnya bila mereka lihat peniaga di pasar borong menerima bekalan yang banyak daripada pembekal, mereka akan buat pembelian-di situ sebelum pergi ke premis lain," jelasnya ketika wawancara bersama *Sinar Harian* di Ibu Pejabat KPDNHEP Putrajaya, baru-baru ini.

Berstruktur

Azman berkata, kegiatan ini dijalankan sama ada secara berstruktur dan tidak berstruktur. Jelas beliau, modus operandi secara berstruktur ini kebiasaannya adalah me-

libatkan pemalsuan dokumen dengan rantaian tertentu.

"Kebocoran itu boleh berlaku di mana-mana. Oleh sebab itu amat penting KPDNHEP melaksanakan penjejakkan bagi memastikan tidak berlaku ketirisan.

"Ada juga pihak yang dikesan apabila ada peluang, mereka akan masuk dan menjadi sebahagian daripada penyelenggara. Contohnya, ada peluang untuk dapatkan bekalan dan kenalan rantai-an untuk seludup, maka masa itu mereka akan bertindak.

"Kaedah menyeludup itu pelbagai dan kebiasaan yang dikesan seperti di sem-padan negara mereka menggunakan bot, lor dan sebagainya," ujar beliau.

Mengulas mengenai faktor minyak masak bersubsidi yang dikesan diseludup ke negara jiran, Azman menjelaskan, kegiatan itu dikesan sejak sekian lama kerana permintaan minyak masak di negara jiran adalah tinggi disebabkan harga minyak masak Malaysia yang rendah selain kualiti dengan jaminan halal.

Beliau memberitahu, berdasarkan nama minyak masak yang ditemui itu, pihaknya akan berusaha mengesan rantaian terakhir bagi mengenal pasti si-

STATISTIK KES PENYELEWENGAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI

Tahun 2021	
Bilangan kes:	188 kes
Jumlah tangkap:	27 orang
Nilai rampasan:	RM1.2 juta

Tahun 2022 (Jan-Juli)	
Bilangan kes:	75 kes
Jumlah tangkap:	11 orang
Nilai rampasan:	RM327,033

Saluran maklumat	
• WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000	
• Portal Aduan: e-aduan.kpdnhep.gov.my	
• Pusat Panggilan 1-800-886-800	
• E-mel: e-aduan@kpdnhep.gov.my	
EZ ADU KPDNHEP	

pà pihak bertanggungjawab.

"Kertas siasatan dibuka berdasarkan bukti dan kita tidak kira siapa terlibat untuk diambil tindakan. Ada tindakan telah diambil ke atas syarikat dan individu," katanya.



Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar (kanan) memeriksa sebahagian daripada 460 kilogram minyak masak botol yang dirampas di Ayer Keroh baru-baru ini.





Anggota penguat kuasa KPDNHEP memeriksa minyak masak paket bersubsidi berjumlah 15,048 kilogram yang telah dimasukkan ke dalam tangki di Sandakan, Sabah baru-baru ini.

Bersepada

Azman memberitahu, KPDNHEP seniasa bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi mengekang kegiatan jenayah ini secara berterusan.

Tambahnya, tidak dinafikan penyeludup ini mahir tentang laluan dan tempat selamat untuk menjalankan kegiatan berkeraan.

"Mungkin tempat yang pihak berkuasa akan masuk, ada tonto di situ dan sebagainya. Ada di sesetengah tempat menggunakan tonto yang diupah untuk kesan pergerakan pihak berkuasa.

"Selalunya bila pasukan operasi tiba di lokasi, orang yang dikesan telah me-

larikan diri dan hanya tinggal barang. Kita percaya tonto ini bersekongkol dengan dibayar sejumlah wang," katanya.

Beliau menambah, penyeludupan ke negara luar ini juga bukan hanya melibatkan barangan seperti minyak masak, namun ada juga barangan lain seperti gula, tepung gandum, minyak petrol serta tong gas petroleum cecair (LPG), namun jumlahnya agak terhad berbanding minyak masak serta diesel.

Tegas Azman, pihak penguat kuasa perlu sentiasa bersiap siaga selain terus bekerjasama dengan agensi lain, barulah KPDNHEP mampu mengambil tindakan dengan lebih baik dan memberantas dengan lebih berkesan.

"Selain itu, kita juga akan ambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan

ANTARA TAKTIK SELEWENG MINYAK MASAK

KES 1

BUTTERWORTH, 12 Julai 2022: KPDNHEP Pulau Pinang berjaya membongkar kegiatan menyeleweng dan menjual minyak masak bersubsidi kepada industri susulan penahanan seorang lelaki dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Seri Murni.

Malah pemeriksaan awal mendapati suspek yang mempunyai lesen borong barang kawalan itu turut menjual minyak masak bersubsidi yang telah dicampur dengan pewarna dan pewangi untuk kegunaan sembahyang.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Pulau Pinang, A Mogan berkata, serbuan ke rumah teres dua tingkat itu dilakukan pada jam 1 tengah hari hasil risikan dan maklumat orang awam.

Sepasukan empat pegawai penguat kuasa yang menjalankan risikan dan intipan pada mulanya mengekon sebuah lori dipandu seorang lelaki dari tempat pemborong minyak masak paket bersubsidi di sebuah kilang sehingga ke rumah di Taman Seri Murni itu.

KES 2

PASIR MAS, 10 Ogos 2021: KPDNHEP Kelantan mengagalkan cubaan menyeludup keluar 17,000 kilogram (kg) minyak masak paket bersubsidi ke negara Jiran selepas menahan sebuah lori di sebuah stor di Kampung Belukar, Pasir Mas.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil berkata, operasi itu dilaksanakan hasil daripada maklumat risikan ke atas sebuah premis pemborong dan pembungkus minyak masak di Melaka.

Pasukan telah mengenal pasti sebuah lori yang mencurigakan dan disyaki digunakan oleh sindiket untuk mengangkut minyak masak bagi tujuan menjalankan aktiviti penyelenggaraan minyak masak bersubsidi.

Stor tersebut disyaki digunakan sebagai tempat penyimpanan dan transit sebelum pihak sindiket menjalankan aktiviti penyeludupan ke Thailand.

Pembentangan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA) 2001 sebagai bentuk hukuman dan kae-dah agar mereka tidak terjebak dengan aktiviti menyalahi undang-undang.

"Jika disabitkan kesalahannya, mereka boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai

hasil aktiviti haram atau RM5 juta, mana yang lebih tinggi," katanya.

Kata Azman, berdasarkan statistik AMLATPUAA 2001 sejak 2018 hingga Jun lalu, sebanyak 19 kes telah dihasilkan melibatkan pembekuan harta alih dalam industri kewangan berjumlah RM8.97 juta.

"Bagi pelucutahan pula melibatkan jumlah bermula RM1.15 juta," katanya.

KPDNHEP, PDRM tumpas sindiket seleweng diesel

26,500 liter bahan api bersubsidi disita dengan nilai rampasan lebih RM500,000

Oleh: Rawafile Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menerima empat kes serahan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) membabitkan sindiket penyelewengan diesel subsidi dengan nilai keseluruhan RM507,142.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri, Mohd Khairi Jamaludin, berkata empat kes serahan itu disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) membabitkan tiga kes pada 9 Ogos lalu dan satu kes semalam.

"Menerusi kerjasama strategik dengan PDRM, empat kes disyaki melakukan aktiviti penyelewengan barang kawalan subsidi bahan api diesel dilumpuhkan di lokasi berasingan iaitu Semenyih, Kota Damansara, Klang dan Puchong.

"Kebanyakan kes penyelewangan terbabit dengan mendapatkan bekalan diesel daripada stesen minyak yang berdekatan.

"KPDNHEP Selangor akan



Sebuah lori ditahan berhubung kes penyelewangan diesel subsidi hasil kerjasama KPDNHEP Selangor dan PDRM.
(Foto ihsan KPDNHEP)

menjalankan siasatan terperinci dan akan mengambil tindakan ke atas mana-mana stesen minyak yang bersubahat dengan sindiket terbabit," katanya dalam kenyataan, semalam.

15 individu ditahan

Mohd Khairi berkata, daripada empat kes terbabit, seramai 15 individu ditahan bagi membantu siasatan lanjut.

"KPDNHEP Selangor akan me-

neruskan siasatan lanjut ke atas keempat-empat kes terbalit untuk mengenal pasti individu atau mana-mana pihak yang terbabit secara langsung di dalam aktiviti bersindiket ini.

"Menerusi operasi itu, sebanyak 26,500 liter diesel subsidi berjaya disita membabitkan sembilan lori.

"Secara keseluruhan, rampasan dianggarkan bernilai RM507,142 bagi empat kes berke-

naan," katanya.

Beliau berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 20(1), Subseksyen 7(4), Seksyen 21 dan Peraturan 12A di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"KPDNHEP akan bertindak tegas serta tidak berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang untuk membanteras sindiket penyelewangan barang kawalan dan subsidi demi kepentingan pengguna," katanya.

Sindiket seleweng diesel bersubsidi tumpas

SHAH ALAM - Sindiket penyelewengan minyak diesel ditumpaskan dengan beberapa siri serbuan dan rampasan sebanyak 26,050 liter minyak diesel bernilai RM507,142 pada Selasa.

Serbuan dijalankan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) membanteras aktiviti penyelewengan dan ketirisan barang kawalan dan subsidi melibatkan minyak diesel.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, serbuan dan rampasan melibatkan lokasi di Semenyih, Kota Damansara, Kapar dan Puchong.

"Seramai 15 individu terdiri daripada warga tempatan dan asing berumur antara 20 hingga 40-an dipercayai terlibat dalam sindiket ini turut diberkas.

"Turut dirampas lori tangki berisi minyak diesel, tangki kosong dan beberapa peralatan lain," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Tambahnya, siasatan berkaitan kes ini dijalankan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"KPDNHEP sentiasa bertindak tegas dalam menguatkuasakan undang-undang membanteras sindiket penyelewengan barang kawalan dan subsidi demi kepentingan pengguna," tegas beliau.



Pegawai penguat kuasa KPDNHEP memeriksa tangki yang dirampas dipercaya mengandungi diesel.

HARI : SABTU
TARIKH : 13/08/2022
M/SURAT : 3

Seleweng diesel: Polis serah empat kes

Shah Alam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menerima empat kes serahan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) membabitkan sindiket penyelewengan diesel subsidi dengan nilai keseluruhan RM507,142.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri Mhd d. Khairi Jamaludin berkata, empat kes serahan itu disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) membabitkan tiga kes pada 9 Ogos dan satu kes kelmarin.

"Dengan kerjasama strategik bersama PDRM, empat kes disyaki melakukan aktiviti penyelewengan barang

kawalan subsidi bahari api diesel dilumpuhkandi lokasi berasingan iaitu Semenyih, Kota Damansara, Kapar dan Puchong.

"Kebanyakkan kes penyelewangan yang dihasilkan ini mendapatibekalan diesel dipercayai diperoleh daripada stesen minyak berdekatan.

"KPDNHEP Selangor akan menjalankan siasatan terperinci dan mengambil tindakan ke atas mana-mana stesen minyak yang bersubhat dengan sindiket terbabit," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Khairi berkata, daripada empat kes terbabit, seramai 15 individu ditahan bagi membantu siasatan lanjut.

Empat kes seleweng diesel subsidi bernilai lebih RM500,000

SHAH ALAM – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menerima empat kes serahan melibatkan sindiket penyelewengan diesel subsidi dengan nilai keseluruhan RM507,142 daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Serahan itu melibatkan semua kes yang disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 pada 9 Ogos dan 11 Ogos lalu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Mohd. Khairi Jamaludin berkata, keempat-empat kes itu berlaku masing-masing di Semenyih, Kota Damansara, Kapar dan Puchong hasil kerjasama strategik KPDNHEP Selangor bersama PDRM yang menjalankan pemantauan, risikan dan serbuán.

Katanya, menerusi kes tersebut juga seramai 15 individu telah ditahan dan siasatan lanjut masih dijalankan dalam mengetahui pasti individu atau mana-mana pihak yang terlibat secara langsung di dalam aktiviti bersindiket ini.

"Sebanyak 26,500 liter diesel subsidi berjaya diselamatkan



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP Selangor melakukan pemeriksaan tangki yang digunakan untuk aktiviti penyelewengan diesel subsidi di sekitar Selangor.

dengan rampasan sembilan buah lori yang digunakan bagi tujuan penyelewengan.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM507,142," kata dia dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas Mohd. Khairi, kes-kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 20 (1), Subseksyen 7(4).

Seksyen 21 dan Peraturan 12A di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kita akan bertindak tegas serta tidak berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang untuk membanteras sindiket penyelewengan barang kawalan dan subsidi demi kepentingan pengguna," katanya.

Stok 60,000kg tapi tulis 5,000kg sahaja dalam buku penyata

SEREMBAN - Padah memiliki barang kawalan melebihi had ditetapkan, sebuah syarikat pembungkusan minyak masak peket bersubsidi di Kawasan Industri Sinar Andalas di sini diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sembilan pada Khamis.

Dalam operasi Ops ATM (ayam, telur dan minyak masak) jam 11.30 malam itu, dianggarkan sebanyak 60,000 kilogram (kg) minyak masak bernilai RM150,000 telah disita bagi tujuan siasatan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan, Abd Muis Samsudin berkata, ketika serbuan dijalankan terdapat sebuah lori tangki yang membawa kira-kira 30,000kg minyak masak sedang menunggu untuk dipindahkan ke dalam tangki simpanan di premis berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati terdapat stok simpanan minyak masak sebanyak 30,000kg di dalam tangki di premis terbabit.

"Namun apabila semakan terhadap buku penyata stok bekalan minyak masak dilakukan, jumlah baki dalam simpanan yang dinyatakan hanya sebanyak 5,350 kilogram," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati, syarikat terbabit disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu gagal menyelenggarakan buku penyata stok barang

kawalan bersubsidi serta memiliki atau menyimpan barang kawalan berjedual melebihi had kuantiti yang dibenarkan dalam lesen.

Ujarnya, siasatan secara menyeluruh akan dilakukan bagi mengesan sekiranya terdapat unsur-unsur penyelewengan dalam rantai pengedaran minyak masak peket satu kilogram daripada syarikat terbabit.

"Hasil serbuan ini, dianggarkan sebanyak 60,000 kilogram minyak masak telah disita untuk tujuan siasatan dengan nilai rampasan sebanyak RM150,000.

"Turut disita sebuah lori tangki yang berada di tempat kejadian dengan anggaran jumlah keseluruhan nilai rampasan bagi kes terbabit adalah RM400,000," katanya.

Jelas beliau, kejayaan kes itu adalah hasil pemantauan dan risikan yang dijalankan oleh KPDNHEP Negeri Sembilan di bawah Ops ATM dan Ops Anti-Sorok bagi membanteras kegiatan penyelewengan dan ketirisian barang kawalan bersubsidi terutamanya minyak masak peket satu kilogram.

Abd Muis menasihatkan para peniaga supaya mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP.

"Pengguna di Negeri Sembilan boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan peniaga yang tidak mematuhi undang-undang kepada pihak kementerian melalui saluran aduan disediakan," katanya.



Pegawai KPDNHEP membuat pemeriksaan ke atas sebuah lori tangki di Kawasan Industri Sinar Andalas, Seremban pada Khamis lalu.



ANGGOTA penguatan kuasa memeriksa lori tangki di premis yang diserbu.

'Untung segera' sorok minyak masak 60 tan

Seremban: Sorok minyak masak seberat lebih 60 tan untuk keuntungan jika berlaku pembelian panik.

Kegiatan dilakukan di sebuah premis di Senawang di sini, terbongkar apabila pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan melakukan serbuan semalam dan menyita 60,000 kilogram (kg) minyak masak bernilai RM150,000.

Ketua Pegawai Penguatan Kuasa KPDNHEP negeri, Abd Muis Samsudin, berkata, serbuan jam 11.30 malam kelmarin membabitkan sebuah premis menjalankan aktiviti pembungkusan minyak masak peket bersubsidi.

Katanya, premis di Kawasan Industri Sinar Andalus di sini, diyakti memiliki atau menyimpan barang kawalan berjadual melebihi had kuan-

titi dibenar dalam lesen.

"Serbuan dilakukan ketika pasukan Penguatan Kuasa KPDNHEP negeri menjalankan operasi ayam, telur dan minyak masak (ATM) dan ops antisorok."

"Ketika serbuan, pasukan operasi mendapati ada lori tangki mengandungi 30,000 kg minyak masak sedang menunggu untuk dipindahkan dari pada tangki lori berkenaan ke dalam tangki simpanan lain di premis itu."

"Pemeriksaan lanjut di premis berkenaan juga mendapati terdapat stok simpanan minyak masak 30,000kg di dalam tangki di premis berkenaan."

"Namun begitu, apabila semakan dilakukan terhadap buku penyata stok bekalan minyak masak, jumlah baki dalam simpanan yang dinyatakan hanya 5,350 kg," katanya, semalam.

“
Terdapat stok simpanan minyak masak 30,000kg di dalam tangki di premis
Abd Muis

Syarikat simpan minyak subsidi melebihi had

Tulis 5,000kg, tapi stok ada 30,000kg

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

SEREMBAN — Sebuah syarikat pembungkusan minyak masak peket bersubsidi diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan kerana menyimpan bahan kawalan melebihi had dibenarkan.

Serbuan di kawasan Industri Sri Andalas, Senawang di sini kelmarin, melibatkan rampasan keseluruhan bernilai RM400,000.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan, Abd. Muis Samsudin berkata, pihaknya telah menjalankan operasi di bawah Ops ATM (ayam, telur, minyak masak) dan Ops Anti-Sorok itu kira-kira pukul 11.30 malam.

Operasi itu dilakukan selepas syarikat berkenaan didapati menyimpan barang kawalan berjadual melebihi had kuantiti

yang dibenarkan.

"Ketika serbuan dijalankan, pasukan operasi mendapat terdapat sebuah lori tangki yang mengandungi kira-kira 30,000 kilogram (kg)-minyak masak sedang menunggu untuk dipindahkan daripada tangki lori berkenaan ke dalam tangki simpanan di premis tersebut.

"Pemeriksaan lanjut di premis berkenaan juga mendapat terdapat stok simpanan minyak masak sebanyak 30,000kg di dalam tangki di premis tersebut," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Bagaimanapun, Abd Muis berkata, ketika semakan terhadap buku penyata stok bekalan minyak masak dilakukan mendapat, jumlah baki dalam simpanan yang dinyatakan hanya sebanyak 5,350kg.

"Berdasarkan hasil pemeriksaan yang dilakukan, syarikat terbabit disyaki telah melakukan

kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana gagal menyelenggara buku penyata stok barang kawalan bersubsidi serta memiliki atau menyimpan barang kawalan berjadual melebihi had kuantiti yang dibenarkan dalam lesen.

"Siasatan menyeluruh juga akan dilakukan untuk mengesahkan terdapat unsur-unsur penyelewengan di dalam rantauan pengedaran minyak masak peket satu kilogram daripada syarikat ini," katanya.

Jelas Abd Muis, hasil serbuan itu dianggarkan sebanyak 60,000kg minyak masak telah disita untuk tujuan siasatan dengan nilai rampasan sebanyak RM150,000.

"Turut disita sebuah buah lori tangki yang berada di tempat kejadian dengan anggaran jumlah keseluruhan nilai rampasan bagi kes ini adalah RM400,000," kata Abd. Muis lagi.



PEGAWAI KPDNHEP memeriksa lori tangki dalam operasi di sebuah syarikat pembungkusan minyak masak peket bersubsidi di kawasan Industri Sri Andalas, Senawang semalam.

Tak setuju GLC bungkus minyak masak polibeg

ALOR SETAR – Persatuan Pengguna Negeri Kedah (Cake) tidak bersetuju cadangan membenarkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk membungkus minyak masak polibeg bersubsidi.

Presiden Cake, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya bimbang penglibatan GLC sebagai pembungkus minyak masak polibeg bersubsidi ini dipercayai akan menyebabkan berlaku monopoli di pasaran.

"Apabila GLC mengambil tanggungjawab itu, kita khawatir semua pembungkusan minyak masak peket bersubsidi akan dapat kepada GLC sahaja.

"Adalah lebih baik, pembungkusan minyak masak polibeg bersubsidi dilaksanakan secara tender terbuka bagi membolehkan syarikat pembungkusan mendapat peluang sama," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Beliau berkata sedemikian ketika diminta mengulas kenyataan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang akan mengkaji cadangan membenarkan GLC untuk membungkus minyak masak polibeg bersubsidi bagi mengekang ketirisan produk itu.

Beliau berpandangan terdapat kaedah lain yang boleh digunakan untuk mengekang ketirisan minyak masak polibeg bersubsidi selain cadangan GLC dilihatkan sebagai pembungkus produk tersebut.

Tambah beliau, isu ketirisan minyak masak polibeg bersubsidi ini juga dapat dikekang melalui kawalan penguat kuasa di pintu sempadan negara.



MOHAMAD YUSRIZAL

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : SABTU
TARIKH : 13/08/2022
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM6.99 • Daging Lembu Tempatan RM36 • Daging Lembu Import RM51.99	• Telur Gred A RM13.05 • Ikan Kembung RM16.99 • Minyak Masak RM6.70	• Gula Pasir RM2.85 • Bawang Besar Holland RM2.99 • Bawang Putih RM4.99	• Cili Merah RM12 • Kubis Bulat Tempatan RM5 • Tepung Gandum RM2.60
*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP				